# ...ak asas bantu lindungi kulit

...a Cantik
...or Afizzar Ibrahim

...mengenakan sole-
..., jangan sesekali
...kan bedak asas.
...uan itulah yang
...banyakan jurusolek
..., peranan bedak
...enting untuk mem-
...kulit anda daripada
...kerasan' dari luar
...keberkesanan
...kulit yang anda
...g hari.
...ai bedak asas
... besar. Merentasi
...pada masa kini
...n beberapa jenis
...krim, cecair, debu
...ng mana satukah

...ir adalah antara
...a ia memberikan
...g asli dan dapat
... tidak sekata.
...juga memberikan
...ederhana
...yang memberi
...al.

Bagaimanapun, bagi saya, bedak asas krim juga mempunyai kelebihan tersendiri termasuk mudah dilicinkan pada kulit dan memberikan litupan yang sekata. Sesetengah jurusolek pula berpendapat, bedak asas krim lebih tahan lama dan sesuai untuk semua jenis kulit. Apa pun, untuk memilih bedak asas ia seharusnya bergantung kepada wajah yang diinginkan dan paling selesa pada kulit anda.

Untuk membeli bedak asas pula, ada tiga perkara yang perlu diberi pertimbangan. Pertama, warna yang benar-benar sesuai dan sepadan dengan kulit anda dan kedua, memberikan kemasan yang berasa selesa. Ketiga, bedak asas yang mampu memberi litupan terbaik untuk jenis kulit anda.

Bagi anda yang sukar membuat pilihan warna sesuai, caranya senang sekali iaitu sapukan bedak asas berkenaan pada bahagian tulang pipi dan bukannya di belakang tapak tangan. Tujuannya ialah untuk mengimbangi warna wajah dan juga leher supaya kelihatan sekata. Jika masih lagi keliru, dapatkan nasihat pakar di kaunter kecantikan.






DENGAN memperkenalkan bedak asas, Photogenic Lumissence, Lancome sekali gus mengingatkan wanita mengenai kecantikan kulit. Ini kerana sapuan bedak asas itu melicinkan kulit dan menutup tanda penuaan awal pada wajah. Harga: RM126



GADIS remaja yang mengalami masalah kulit berminyak, Silkygirl memperkenalkan bedak kompak, Pure Fresh Oil-Control yang memberikan kesan semula jadi dan segar pada kulit serta tampak berseri sepanjang hari.



DIILHAMKAN oleh fabrik avant-garde, Diorskin Extreme Fit memberikan sinar wajah seperti bintang yang menyerlah. Teknologi baru diperkenalkan juga diinspirasi produk generasi baru bagi cahaya wajah, keberahian yang tidak terperi dan selesa dipakai. Harga: Dior Radiant Base RM115, Diorskin Extreme Fit Fluid RM132, Diorskin Extreme Fit Moist Compact RM170 dan Diorskin Extreme Fix Powder RM140.



BEDAK asas cecair pemulihan Skin Recovery Liquid Foundation SPF 15 daripada Privia, ringan dan tidak berminyak serta menyediakan lapisan perlindungan pada kulit dan solekan. Harga: RM64.90